



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### MANTAN KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA, DATUK RAMESH CHANDER MENINGGAL DUNIA

---

**PUTRAJAYA, 15 NOVEMBER 2023** - YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan, Jabatan Perangkaan Malaysia menzahirkan rasa dukacita dengan kematian mantan Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Datuk Ramesh Chander yang telah meninggal dunia pada **14 November 2023, jam 2.50 pagi** waktu Malaysia pada umur 88 tahun. Mendiang merupakan orang Malaysia pertama yang menyandang gelaran sebagai Ketua Perangkawan Malaysia selepas kemerdekaan bermula 1 Januari 1966 sehingga 31 Disember 1977.

Sepanjang 11 tahun menerajui Jabatan Perangkaan Malaysia, mendiang telah berjaya membangunkan sistem perangkaan yang masih digunakan sehingga kini. Antara jasa mendiang ialah mempelopori penggunaan tinjauan isi rumah bersepadu untuk pengumpulan maklumat bagi menganalisis kemiskinan dan penyusunan petunjuk sosio-ekonomi. Disamping itu, mendiang juga merupakan Pesuruhjaya Banci pertama dan telah melaksanakan Banci Penduduk dan Perumahan selepas merdeka pada tahun 1970. Mendiang juga turut terlibat dalam membangunkan rangka kerja untuk pemantauan sasaran dan matlamat Dasar Ekonomi Baru

Selain itu, mendiang sangat aktif dalam menonjolkan peranan Jabatan Perangkaan Malaysia di rantau asia dan juga diperingkat antarabangsa seperti;

- i. Sebagai Pengerusi Persidangan Ahli Perangkaan Asia;
- ii. Terpilih ke Suruhanjaya Perangkaan PBB, berkhidmat sebagai Naib Pengerusi dari 1972 hingga 1976;
- iii. Wakil Malaysia di Persidangan Perangkawan Komanwel;
- iv. Ahli pengasas Institut Statistik untuk Asia dan Pasifik (SIAP) untuk melatih kakitangan statistik dari semua negara di rantau ini; berkhidmat sebagai ahli Majlis Tadbir Institut; dan
- v. Ahli Jawatankuasa Teknikal Kajian Kesuburan Dunia.

Sehingga diakhir usia, mendiang masih aktif memperjuangkan statistik dalam komuniti pencinta statistik dengan menghadiri forum, seminar dan sesi dialog seperti Webinar :*Counting Everyone For A Better Tomorrow* (7 Julai 2020), Seminar Statistik

Kependudukan (14 Februari 2022), dan *Corruption In Malaysia : Who Will Bell The Cat* (28 April 2021).

Justeru itu, warga DOSM ingin menzahirkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga mendiang dan semoga terus tabah dan bersabar dengan kehilangan mendiang. DOSM akan sentiasa mengingati setiap sumbangan dan bakti mendiang terutamanya khususnya memperkukuhkan sistem statistik dalam membantu Negara menyediakan dasar dan perancangan sosio ekonomi negara.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
15 NOVEMBER 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FORMER CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA,**  
**DATUK RAMESH CHANDER HAS PASSED AWAY**

---

**PUTRAJAYA, 15 NOVEMBER, 2023** - YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician, Department of Statistics Malaysia, expresses profound sorrow at the passing of the former Chief Statistician of Malaysia, YBhg. Datuk Ramesh Chander, who died on **14 November 2023**, at 2:50 AM Malaysian time at the age of 88. The late Datuk Ramesh Chander was the first Malaysian to hold the title of Chief Statistician of Malaysia after independence, serving from January 1, 1966, to December 31, 1977.

Throughout his 11 years at the helm of the Department of Statistics Malaysia, the late Datuk Ramesh Chander successfully developed a statistical system that is still in use today. Among his contributions was pioneering the integrated household survey for data collection to analyse poverty and socio-economic indicators. The late Datuk Ramesh Chander also held the position of the first Census Commissioner and the Population and Housing Census after independence in 1970. The late Datuk Ramesh Chander also played a key role in developing the framework for monitoring the targets and goals of the New Economic Policy.

Furthermore, he was actively involved in highlighting the role of the Department of Statistics Malaysia in the Asian region and internationally, including:

- i. Chair of the Conference of Asian Statisticians
- ii. Elected to the UN Statistical Commission, serving as a Vice–Chair from 1972 to 1976
- iii. Malaysian representative at the Commonwealth Conference of Statisticians
- iv. Founding member of the Statistical Institute for Asia and the Pacific (SIAP) for training statistical personnel from all countries in the region; served as member of the Governing Council of the Institute
- v. Member of the Technical Committee for the World Fertility Survey

Until his final days, the late Datuk Ramesh Chander remained active in advocating for statistics within the statistical community, participating in forums, seminars, and dialogue sessions such as the Webinar: Counting Everyone For A Better Tomorrow

(7 July 2020), Population Statistics Seminar (14 February 2022), and Corruption In Malaysia: Who Will Bell The Cat (28 April 2021).

Therefore, DOSM extends condolences to the family of the late Datuk Ramesh Chander and hopes they find strength and patience in this loss. DOSM will always remember and appreciate the late Datuk Ramesh Chander's contributions, particularly in strengthening the statistical system to assist the country in formulating socio-economic policies and planning.

Issued by:

**CHIEF STATISTICIAN OFFICE  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
15 NOVEMBER 2023**